PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI

Organisational Anti-Corruption Plan (OACP)

2021-2023

JABATAN PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN

KANDUNGAN

PERUTUSAN KETUA PENGARAH

RINGKASAN EKSEKUTIF

PENYATAAN KOMITMEN

BAB 1 PENGENALAN

Latar Belakang 9
Fungsi dan Peranan 11
Visi, Misi dan Objektif 12
Bidang dan Aktiviti 13
Pemegang Taruh Utama Jabatan 14
Keperluan OACP 16

BAB 2 ISU DAN CABARAN

Rasuah dan JPP 18
Pelan Tindakan dan Pengukuhan Integriti 22
Senario Rasuah dan Salah Laku Integriti 23
Penilaian Risiko 26
Bidang-Bidang Berisiko 28
Analisis Risiko Rasuah 30

BAB 3 KERANGKA OACP JPP

Visi, Misi dan Matlamat Kerangka OACP 46
Punca Risiko Salah Laku Rasuah 47
Strategi, Inisiatif dan Pelan Pencegahan Rasuah 51
Analisis Kuadran 55

BAB 4 MEKANISMA PELAKSANAAN OACP

Pelan Tindakan Inisiatif Mengikut Tahun (2021-2023) dan Kaedah Pelaporan 59
Pelantikan Jawatankuasa OACP 63
Pemantauan OACP 64

BAB 5 KESIMPULAN DAN PENGHARGAAN 66

PERUTUSAN

KETUA PENGARAH

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Alhamdulillah bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, Jabatan Perkhidmatan Pembetungan (JPP) telah berjaya membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) JPP. Sekalung taniah diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam usaha membangunkan pelan ini.

OACP JPP ini merupakan dokumen antirasuah utama yang memaparkan kesungguhan dan komitmen seluruh warga JPP di pelbagai peringkat perkhidmatan dan bidang tugas untuk sama-sama menggembeleng tenaga bagi menghapuskan amalan rasuah dan salah laku integriti dalam Jabatan ini. Penyediaan OACP ini juga adalah selari dengan Pelan Anti-Rasuah Nasional (NACP) yang berperanan sebagai kawalan yang efektif kepada agenda integriti bagi JPP sebagai peneraju pembangunan perkhidmatan pembetungan menjelang tahun 2021.

Sehubungan itu, adalah penting bagi JPP untuk memastikan bahawa penglibatan dan peranan yang dimainkan oleh semua pihak khususnya warga JPP adalah berkesan dan bersih daripada dipengaruhi atau terlibat dengan sebarang anasir atau elemen salah laku, salah guna kuasa dan pelanggaran peraturan-peraturan yang berkuatkuasa. Ini adalah penting bagi meningkatkan kualiti mutu penyampaian, perkhidmatan Jabatan serta memperkukuhkan keyakinan dan kepercayaan *stakeholders* kepada Jabatan ini.

Semua warga JPP perlu sentiasa komited untuk melaksanakan OACP yang digubal ini dengan merancang, melaksana, memantau, menilai semula segala tindakan dengan teliti dan sebaiknya selain turut melakukan penambahbaikan serta tindakan kolektif dengan segera terhadap kelemahan yang dikenalpasti.

Dengan adanya OACP ini, jentera pengurusan JPP akan lebih fokus, terurus dan sistematik serta memudahkan aspek kawalan dan pemantauan bagi menentukan inisiatif-inisiatif yang telah, sedang dan akan dirancang dapat dilaksanakan mengikut sasaran tempoh masa yang ditetapkan selain turut memberikan kualiti, pulangan hasil atau impak yang disasarkan.

Adalah menjadi harapan saya agar pelaksanaan OACP JPP 2021-2023 ini menjadi satu tindakan utama dalam usaha berterusan Jabatan ini untuk menjadikan JPP sebagai sebuah organisasi yang unggul, dihormati, bebas rasuah dan berintegriti tinggi.

IR. AHMAD ROZIAN BIN OTHMAN
KETUA PENGARAH
JABATAN PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN

Integriti adalah amalan bersikap jujur dan menunjukkan kepatuhan yang konsisten dan tanpa kompromi terhadap prinsip dan nilai moral serta etika yang kuat. Oleh yang demikian, besar harapan saya agar segala pelan tindakan dan inisiatif OACP JPP ini dilaksanakan dengan kerjasama sepenuhnya daripada semua warga dalam usaha pencegahan rasuah dan pembudayaan integriti di kalangan warga JPP demi penyampaian perkhidmatan yang berteraskan integriti, akauntabiliti dan cekap.

TIMBALAN KETUA PENGARAH
Sektor Pengurusan Projek
Jabatan Perkhidmatan Pembetungan

Hidup bebas rasuah adalah hidup bermaruah. Rasuah itu merendahkan integriti, menghalang keadilan dan merugikan negara dan bangsa. Semoga dengan terhasilnya OACP, ianya dijadikan panduan kepada warga JPP untuk menjadi warga kerja yang bebas rasuah dan berintegriti tinggi.

TIMBALAN KETUA PENGARAH
Sektor Konsultansi dan Khidmat Teknikal
Jabatan Perkhidmatan Pembetungan

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Jabatan Perkhidmatan Pembetungan (JPP) 2021-2023 disediakan selaras dengan komitmen JPP untuk menyahut seruan Kerajaan dalam menangani isu rasuah selaras dengan pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023. OACP JPP berperanan untuk menyediakan garis panduan organisasi bukan sahaja untuk mencapai misi JPP sebagai penyedia perkhidmatan pembetungan terunggul di Malaysia tetapi turut berfungsi untuk menyediakan modal insan yang bermaruah dan berintegriti tinggi sebagai aset berharga jabatan.

Objektif utama OACP JPP 2021-2023 adalah:

Menggariskan kerangka dan hala tuju Jabatan bagi tindakan pengesanan risiko rasuah, tindakan pencegahan dan pengurusan rasuah dalam Jabatan.

Memastikan Pelaksanaan Dasar Perundangan dan Peraturan, Sistem dan Prosedur Kerja, Pengesanan, Pengukuhan Governans dan Integriti, serta Pematuhan, Punitif dan Pemulihan Tadbir Urus Jabatan selaras dengan ketetapan di Kementerian.

Meningkatkan kesedaran, komitmen dan kerjasama berpasukan warga JPP membanteras rasuah.

Meningkatkan imej JPP dan kepercayaan *stakeholders* serta masyarakat ke atas perkhidmatan yang disediakan oleh JPP.

PENYATAAN KOMITMEN

Selaras dengan fungsi JPP sebagai penyedia fasiliti pembetungan terunggul, Jabatan ini berikrar untuk memberikan komitmen sepenuhnya dalam membanteras serta mencegah segala aktiviti rasuah dan seterusnya memastikan pelan tindakan dan inisiatif yang digubal dalam OACP ini dapat dilaksanakan dengan telus dan berintegriti. Pelaksanaan pencegahan rasuah adalah penting bagi memastikan sistem penyampaian perkhidmatan Jabatan ini khususnya dalam memberikan perlindungan kesihatan awam yang berterusan dan memulihara sumber air negara, dapat diberikan dengan sempurna dan memenuhi ekspektasi *stakeholders* tanpa ada berlakunya sebarang unsur penindasan atau ketidakadilan.

Dokumen OACP JPP disediakan melalui beberapa siri libat urus pegawai dengan pihak pengurusan tertinggi JPP. Melalui penyediaan OACP, JPP telah menggariskan prospek rasuah dalam Jabatan yang telah dikenalpasti sebelum ini di peringkat dalaman JPP seperti isu-isu perbincangan dalam Jawatan Mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah dan Mesyuarat Pengurusan Jabatan yang melibatkan isu / kelemahan Dasar Perundangan dan Peraturan, Sistem dan Prosedur Kerja, Pengesanan, Pengukuhan Governans dan Integriti, serta Pematuhan, Punitif dan Pemulihan Tadbir Urus.

Dalam merangka dasar pelan OACP JPP, pihak sekretariat turut merujuk kepada sumber data lain yang dapat membantu Jabatan ini untuk mengenalpasti senario sebenar salah laku, salah tadbir urus dan potensi rasuah di JPP iaitu Laporan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM), Laporan Tahunan, Laporan Belanjawan Tahunan, Laporan Audit, Laporan Tatatertib, Laporan Kajian Kepuasan Pelanggan, Laporan Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN) 2020, Aduan Organisasi dan cadangan daripada warga JPP.

Pelan ini diyakini dapat menangani permasalahan dan kelemahan governans, integriti dan antirasuah dalam kalangan warga JPP. Kami warga JPP beriltizam serta komited bagi memastikan segala pelan tindakan dan inisiatif yang digubal dalam OACP ini dapat dilaksanakan dengan telus dan berintegriti.

BAB 1
PENGENALAN

LATAR BELAKANG

FUNGSI DAN PERANAN

VISI, MISI DAN OBJEKTIF

BIDANG DAN AKTIVITI

PEMEGANG TARUH UTAMA

KEPERLUAN OACP

LATAR BELAKANG



Jabatan Perkhidmatan Pembetungan (JPP) telah ditubuhkan pada tahun 1994 ekoran parlimen Malaysia meluluskan Akta Perkhidmatan Pembetungan 1993 (AKTA 508). Tujuan utama JPP ditubuhkan adalah untuk mengawal selia perkhidmatan dan sistem pembetungan sedia ada dan dikendalikan oleh sama ada pihak kerajaan atau persendirian di seluruh Negara. Sehingga kini operasi pembetungan semua Pihak Berkuasa Tempatan di Semenanjung Malaysia telah diambil alih oleh JPP kecuali PBT di Negeri Kelantan, Majlis Bandaraya Johor Bahru dan PBT Pasir Gudang juga PBT di Negeri Sawarak dan Sabah. Sebaik sahaja AKTA 508, diluluskan semua pembetungan awam yang asalnya di bawah bidang kuasa dan dikendalikan Pihak Berkuasa Tempatan telah dipindahkan dan diletakkan di bawah bidang kuasa JPP. Sementara itu, pihak kerajaan telah menandatangani satu perjanjian konsesi dengan Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK) untuk mengoperasi dan menyelenggara sistem-sistem pembetungan tersebut. Berdasarkan perjanjian konsesi, IWK bertanggungjawab membangun dan menyediakan fasiliti baru bagi memenuhi permintaan semasa dan akan datang dengan mendapat pinjaman mudah dari kerajaan.

Berikutan daripada kegawatan ekonomi yang melanda negara pada tahun 1998, pada Jun 2000, pihak Kerajaan Persekutuan melalui Menteri Kewangan Diperbadankan telah mengambil alih saham IWK dan tanggungjawab IWK hanya terhad kepada kerja operasi dan penyelenggaraan sahaja di samping memungut caj

pembetungan. Sementara itu, pelaksanaan semua projek kapital pembetungan dan kerja-kerja baik pulih sistem pembetungan sedia ada melalui bajet Rancangan Malaysia (RMK) telah dipertanggungjawabkan kepada JPP termasuk memantau perbelanjaan pembangunan dan peruntukan sektor pembetungan untuk Negeri Sabah dan Sarawak (melalui pinjaman Kerajaan Persekutuan). Senario baharu ini telah menyebabkan fungsi JPP bukan sahaja terhad kepada kawal selia Syarikat Konsesi sahaja tetapi juga bertanggungjawab secara langsung dalam pembangunan, perolehan, pelaksanaan, reka bentuk dan lain-lain. Fungsi sebagai badan kawal selia ini berakhir pada 31 Disember 2007.

Selaras dengan keperluan semasa, fungsi dan tanggungjawab baru JPP semakin bertambah seiring dengan pertambahan peruntukan pada setiap tahun melalui peruntukan Rancangan Malaysia (RMK) serta pelancaran koridor-koridor baru seperti Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI), Koridor Pembangunan Utara (NCER), Koridor Pembangunan Pantai Timur (ECER), Koridor Sabah (SDC) dan Koridor Sarawak (SCOR). Di bawah peruntukan RMK bagi sektor pembetungan kepada Sabah dan Sarawak, JPP telah dilantik sebagai penasihat teknikal pembetungan kepada kedua-dua negeri tersebut. Antara fungsi berkaitan Sabah dan Sarawak yang dipertanggungjawabkan adalah membuat audit teknikal, memberi khidmat nasihat dan mengesahkan tuntutan bayaran pinjaman Kerajaan Persekutuan dari kerajaan negeri-negeri tersebut.

FUNGSI DAN PERANAN

1. Untuk menggalakkan kelancaran pelaksanaan sistem pembetungan yang bersesuaian dan moden di seluruh negara mengikut piawaian yang ditetapkan.

2. Menggalakkan dan membangunkan industri pembetungan agar ianya diuruskan dengan efisien dari segi kos, teknologi dan sumber tenaga kerja.

3. Melindungi kepentingan pengguna dengan memastikan perkhidmatan yang terbaik pada kos yang berpatutan.

4. Memastikan pelaksanaan projek penswastaan berjaya dan memuaskan.

5. Untuk membantu pembangunan ekonomi negara melalui pembangunan sektor pembetungan yang moden dengan melindungi sumber air dan alam sekitar.

VISI, MISI DAN OBJEKTIF





VISI	MISI	OBJEKTIF
Komited dalam membangun infrastrukur sistem pembetungan ke tahap piawaian antarabangsa.	Sebagai Jabatan teknikal yang terunggul dalam menyediakan fasiliti pembetungan yang bersesuaian dan mencukupi untuk memastikan perlindungan kesihatan awam yang berterusan dan memulihara sumber air negara.	Memodenkan sektor pembetungan negara dengan menyedia sistem pembetungan yang sesuai supaya dapat memenuhi piawaian kualiti efluen pembetungan dan memastikan perkhidmatan pembetungan yang lebih responsif dan cekap kepada pelanggan.

BIDANG DAN AKTIVITI

1. Menyelaras, melaksana dan memantau program pembangunan pembetungan seluruh negara yang dibiayai secara langsung oleh Kerajaan Persekutuan.

2. Memantau dan mengawal perbelanjaan projek-projek pembangunan sistem pembetungan yang dibiayai secara pinjaman oleh Kerajaan Persekutuan.

3. Menggalakkan kelancaran pelaksanaan sistem pembetungan yang bersesuaian dan moden di seluruh negara mengikut piawaian yang ditetapkan.

4. Menggalakkan dan membangunkan industri pembetungan agar ianya diuruskan dengan efisien dari segi kos, teknologi dan sumber tenaga kerja.

5. Melindungi kepentingan pengguna dengan memastikan perkhidmatan yang terbaik pada kos berpatutan.

6. Membantu pembangunan ekonomi negara melalui sumber air dan alam sekitar.

7. Membangunkan industri air pulih guna sebagai alternatif sumber air.

PEMEGANG TARUH UTAMA JABATAN DAN SALING KAITAN PELBAGAI PIHAK

KEMENTERIAN ALAM SEKITAR DAN AIR

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AIR NEGARA

INSTITUT PENYELIDIKAN AIR KEBANGSAAN MALAYSIA

INDAH WATER KONSORTIUM

JABATAN KERJA RAYA

KEMENTERIAN KEWANGAN

UNIT PENYELARASAN PELAKSANAAN

UNIT PERANCANG EKONOMI

JABATAN ALAM SEKITAR

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN MALAYSIA

KEPERLUAN OACP

Selaras dengan pelaksanaan Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP), setiap Jabatan Kerajaan perlu menyediakan satu dokumen yang mengandungi pelan hala tuju untuk mencegah dan membasmi rasuah serta meningkatkan tahap integriti penjawat awam. JPP telah menyediakan dokumen OACP selari dengan hala tuju berkenaan yang memberi tumpuan kepada empat (4) objektif utama iaitu: -

i. Menggariskan kerangka dan hala tuju Jabatan bagi tindakan pengesanan risiko rasuah, inisiatif pencegahan dan pelan tindakan pencegahan rasuah jabatan;

ii. Memastikan Pelaksanaan Dasar Perundangan dan Peraturan, Sistem dan Prosedur Kerja, Pengesanan, Pengukuhan Governans dan Integriti, serta Pematuhan, Punitif dan Pemulihan Tadbir Urus Jabatan selaras dengan ketetapan di Kementerian;

iii. Meningkatkan kesedaran, komitmen dan kerjasama berpasukan warga JPP membanteras rasuah; dan

iv. Meningkatkan imej JPP dan kepercayaan *stakeholders* serta masyarakat ke atas perkhidmatan yang disediakan oleh JPP.

BAB 2
ISU DAN CABARAN

RASUAH DAN JPP

PELAN TINDAKAN DAN PENGUKUHAN INTEGRITI

SENARIO RASUAH DAN SALAH LAKU INTEGRITI

PENILAIAN RISIKO

BIDANG-BIDANG BERISIKO

ANALISIS RISIKO RASUAH

RASUAH DAN JPP

Gejala rasuah penjawat awam serius

Oleh MUZDALIFAH MUSTAPHA
pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 8 MAC

GEJALA rasuah dan salah guna kuasa dalam kalangan penjawat awam didapati serius sejak 10 tahun kebelakangan ini dan dikhuatiri terus meningkat sekiranya tidak segera dibendung.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Azam Baki berkata, kegiatan itu serius membabitkan tiga sektor utama iaitu penguatkuasaan, perolehan dan kes-kes berprofil tinggi.

Sehubungan itu, Azam menegaskan, SPRM menetapkan tiga tahun untuk membersihkan perkhidmatan awam daripada gejala rasuah khususnya dalam kalangan agensi penguat kuasa serta pihak berkuasa negeri dan tempatan.

"Antara faktor utama mendorong gejala rasuah adalah apabila transaksi ekonomi semakin meningkat berikutan negara yang sedang membangun.

"Sebab itu sejak tahun lalu, SPRM bertindak agresif, langkah proaktif ini perlu dilakukan memandangkan dalam tempoh tiga tahun lagi Malaysia akan mencapai status sebuah negara maju," katanya selepas majlis perjumpaan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah bersama SPRM di sini hari ini.

Yang turut hadir, Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Menurut Azam, berdasarkan statistik Bahagian Pengurusan Rekod dan Teknologi Maklumat SPRM, sebanyak 665 kertas siasatan telah dibuka melibatkan penjawat awam sepanjang tahun 2016 hingga Februari lalu.

"Daripada jumlah itu, seramai 548 penjawat awam ditangkap manakala 63 kes lagi telah dituduh di mahkamah," ujarnya

Mengulas lanjut Azam berkata, pembabitan kumpulan sokongan itu dalam kegiatan rasuah biasanya berlaku apabila sudah berkhidmat selama beberapa tahun dan mulai mahir dengan tugas mereka.

"Ketika baru menyertai perkhidmatan awam, rekod mereka ini baik, namun selepas berkhidmat tiga tahun dan ke atas, ditambah pengaruh rakan sejawat atau kakitangan yang lebih senior, mereka mula pandai membuat rangkaian dan terjebak dalam kancah rasuah," jelasnya

Beliau menambah, antara langkah proaktif yang diambil oleh SPRM adalah menerusi indikator 'hidup mewah dan melebihi pendapatan sebenar' semasa melakukan pemantauan dan siasatan terhadap penjawat awam.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Datuk Shamshun Baharin Mohd. Jamil berkata, sejak 2014 hingga tahun lalu, SPRM telah menahan seramai 2,329 orang dan daripada jumlah tersebut 54 peratus membabitkan 1,267 individu berumur 40 tahun ke bawah.

Jelasnya, 635 atau 50 peratus dalam lingkungan usia itu merupakan penjawat awam yang terlibat dalam gejala rasuah.

"Mereka yang ditahan terdiri dalam kumpulan sokongan dan pelaksana bermula gred 17 hingga 38.

"Ada kes yang disiasat SPRM membabitkan kakitangan kerajaan yang baru berkhidmat beberapa tahun tetapi mampu membeli telefon pintar iPhone keluaran terbaharu, selain memandu kenderaan yang boleh dikategorikan sebagai mewah," katanya.

STATISTIK
BAHAGIAN PENGURUSAN REKOD DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT SPRM KESALAHAN RASUAH

665 kertas siasatan dibuka libatkan penjawat awam 2016-Februari lalu

548 penjawat awam ditangkap

63 kes dituduh di mahkamah

Kosmo | 12 Februari 2021 | Page: 8

Kes rasuah ketirisan tender kerajaan semakin kritikal

PETALING JAYA – Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mendedahkan aduan berkaitan tender kerajaan paling tinggi direkodkan iaitu sebanyak 42.8 peratus dalam tempoh lima tahun bermula 2013 hingga 2018 berbanding sektor-sektor lain.

Timbalan Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat SPRM, Mohamad Tarmize Abdul Manaf berkata, jumlah itu menunjukkan kes rasuah melibatkan ketirisan tender kerajaan membabitkan penjawat awam dilihat semakin kritikal.

"Berdasarkan fakta-fakta tersebut, pegawai awam yang terlibat dalam menguruskan tender perlu lebih berhati-hati melaksanakan tugas mereka.

"Mereka juga perlu mengambil perhatian terhadap beberapa kesalahan lazim yang sering terjadi dalam perolehan awam," ujarnya di sini kelmarin.

Secara umum, perolehan awam merujuk kepada pembelian barangan, perkhidmatan dan kerja oleh kerajaan dan perusahaan milik awam.

Jelasnya, melalui belanjawan tahun 2020, sebanyak RM241 bilion diperuntukkan bagi perbelanjaan mengurus dan RM56 bilion bagi perbelanjaan pembangunan.

MOHAMAD TARMIZE

"Berdasarkan jumlah ini, sektor perolehan dikategorikan paling berisiko berlaku rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.

"Isu-isu dan kesalahan ini berpunca sama ada disebabkan salah urus perolehan, kecuaian pegawai, kesilapan dalam pembekalan, rasuah, penyelewengan dan salah guna kedudukan," ujarnya.

Katanya, SPRM mewujudkan salah satu inisiatif Pelan Antirasuah Nasional yang memperuntukan undang-undang berkaitan salah laku penjawat awam yang menyebabkan ketirisan dan kerugian secara sengaja kepada kerajaan.

Sinar Harian | 31 Januari 2021 | Page: 2

KRONOLOGI KES RASUAH PENJAWAT AWAM

10 MAC 2019
JOHOR BAHRU - Seorang bekas Penolong Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Johor didakwa di Mahkamah Sesyen dan dijatuhkan hukuman denda RM50,000 atas pertuduhan menerima suapan wang tunai RM30,000 dua tahun lalu.

2 OKTOBER 2019
KOTA KINABALU - Seorang pembantu tadbir Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Kota Kinabalu dipenjara sehari dan denda RM5,000 di Mahkamah Khas Rasuah selepas mengaku bersalah menerima wang suapan RM1,290 pada tahun 2017.

19 JULAI 2020
KUALA TERENGGANU - Penolong Kanan Pendaftar Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dipenjara lima tahun dan denda RM89,600 di Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu atas pertuduhan salah guna kuasa untuk mendapatkan suapan daripada sebuah syarikat pembekalan pada April 2018.

6 OGOS 2020
ALOR SETAR - Seorang bekas Koperal polis dipenjara 14 tahun dan denda RM70,000 atas kesalahan menerima rasuah berjumlah RM13,000 tujuh tahun lalu di Mahkamah Sesyen Alor Setar.

21 SEPTEMBER 2020
ALOR GAJAH - Seorang sarjan polis di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Alor Gajah didenda RM20,000 atas pertuduhan menerima rasuah berjumlah RM4,000 pada Oktober tahun lalu di mahkamah sesyen.

23 OKTOBER 2020
AYER KEROH - Seorang bekas penolong jurutera di Maktab Teknik Polis Diraja Malaysia (PDRM) Bakri, Muar didakwa di Mahkamah Sesyen Ayer Keroh dan dijatuhi hukuman penjara 14 tahun dan denda RM341,000 selepas didapati bersalah menerima suapan dalam bentuk barangan membaiki rumah seperti besi bumbung, atap genting, kayu anjung, jubin dan pintu rumah, selain membaiki kereta berjumlah RM65,886.72 dari Januari hingga April 2017.

24 NOVEMBER 2020
SHAH ALAM - Seorang penolong pegawai penyiasat di Jabatan Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Shah Alam berpangkat sarjan didakwa di Mahkamah Sesyen dan dijatuhi hukuman penjara sehari serta denda RM8,000 atas pertuduhan menerima suapan sebanyak RM2,500 pada Oktober 2017.

14 DISEMBER 2020
JOHOR BAHRU - Seorang pegawai imigresen di Bangunan Sultan Iskandar, Johor didakwa di mahkamah sesyen dan dijatuhi hukuman penjara 12 bulan dan didenda RM20,000 atas kesalahan menerima rasuah RM1,250 daripada ejen yang menguruskan pekerja warga asing dua tahun lalu.

11 JANUARI 2021
SHAH ALAM - Dua anggota polis didakwa di Mahkamah Sesyen Shah Alam dan dijatuhi hukuman penjara 10 hari dan denda RM5,000 masing-masing selepas mengaku bersalah atas tuduhan pilihan menerima suapan daripada seorang lelaki warga Thailand pada Disember 2019.

Kerajaan Malaysia sentiasa peka dan berusaha untuk melaksanakan pelbagai inisiatif untuk menangani isu integriti, governans dan antirasuah di dalam negara terutama dalam sektor perkhidmatan awam. Usaha dan inisiatif yang dijalankan adalah untuk memastikan gejala rasuah, penyalahgunaan kuasa dan pembaziran peruntukan kerajaan dapat dihapuskan. Ia juga adalah untuk memantapkan imej dan kualiti perkhidmatan awam serta meningkatkan penyampaian perkhidmatan berkualiti kepada rakyat.

Hasrat Kerajaan ke arah membina masyarakat Malaysia yang memerangi rasuah dan membudayakan tahap integriti yang tinggi dimanifestasikan pada tahun 2004 dengan pelancaran Pelan Integriti Nasional (PIN). Pelan ini menggariskan pelan tindakan bagi menghadapi cabaran keempat yang digariskan dalam Wawasan 2020 iaitu "*membentukkan masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etika dengan para warganya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh dan ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur*". Antara objektif khusus PIN adalah seperti berikut:

- Memberikan hala tuju dan bimbingan pelbagai sektor supaya mereka dapat bekerjasama dalam usaha membina masyarakat yang bersatu padu, berharmoni, berintegriti, bermoral dan beretika;

- Meningkatkan kesedaran, komitmen dan kerjasama pelbagai sektor dalam usaha peningkatan integriti supaya integriti menjadi budaya masyarakat dan diamalkan dalam semua bidang;

- Menggalakkan semangat bertanggungjawab di kalangan anggota masyarakat serta mendorong perkembangan masyarakat sivil yang menjunjung prinsip integriti dan bergerak cergas menegakkan integriti;

- Menyumbang kepada usaha pengukuhan asas moral masyarakat dan negara, dan peningkatan kesejahteraan hidup anggota masyarakat; dan

- Meningkatkan daya saing dan daya tahan Malaysia dalam usaha menangani cabaran abad ke-21 khususnya cabaran globalisasi dengan lebih berkesan.

Selaras dengan perlaksanaan PIN, JPP telah membangunkan Pelan Tindakan dan Pengukuhan Integriti (PTPI) Jabatan. Objektif utama PTPI JPP adalah untuk memperkukuhkan asas nilai-nilai murni dan membudayakan integriti sebagai amalan warga kerja JPP. PTPI JPP juga bertujuan meningkatkan tadbir urus yang baik, kompetensi teras dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan.

Sebanyak lima (5) strategi PTPI JPP telah ditetapkan untuk mencapai objektif yang disasarkan iaitu: -

Strategi 1 : Memantapkan Keberkesanan Tadbir Urus

Strategi 2 : Meningkatkan Keberkesanan Sistem Penyampaian Perkhidmatan

Strategi 3 : Melaksanakan Program Memerangi Jenayah Rasuah, Penyelewengan dan Salah Guna Kuasa

Strategi 4 : Memurnikan Sistem Keadilan dan Tatatertib

Strategi 5 : Memantapkan Pengurusan Sumber Manusia

Kerajaan sentiasa meneruskan usaha untuk memerangi rasuah dan dengan tu, telah membangunkan pelbagai inisiatif bagi mewujudkan masyarakat Malaysia bermaruah dan berintegriti tinggi. Pada 8 Jun 2018, YAB Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia ke-7 telah mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah (JKKMAR) dan beliau memutuskan bahawa satu pelan antirasuah yang menyeluruh perlu dirangka dengan segera untuk menangani isu berkaitan rasuah di negara ini. Berikutan itu, Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 telah dihasilkan sebagai dokumen utama Kerajaan Malaysia yang menggariskan tindakan menyeluruh dan bersepadu dalam memerangi rasuah. Pelan ini yang diterajui Pusat Governans dan Antirasuah (GIACC) akan menjadi pelan pertama seumpamanya yang merangkumkan isu tadbir urus, integriti dan antirasuah dalam suatu kerangka bersepadu dan komprehensif.

Visi NACP adalah untuk mewujudkan negara bebas rasuah melalui penetapan tiga matlamat khusus iaitu Kebertanggungjawaban dan Kredibiliti Kehakiman, Pendakwaan dan Agensi Penguatkuasaan Undang-Undang; Penyampaian Perkhidmatan Awam yang cekap dan responsif; dan Integriti dalam Perniagaan.

NACP menggariskan wawasan jangka panjang tindakan antirasuah ke arah negara bebas rasuah menerusi 115 inisiatif untuk dilaksanakan. Melalui enam strateginya, NACP akan memastikan usaha pembanterasan rasuah diperkemas di kalangan aktor politik, entiti korporat, agensi penguatkuasaan dan pihak yang berkepentingan. Para pemegang



taruh dijangka membangunkan OACP dalam manangani isu integriti, tadbir urus dan antirasuah di organisasi masing-masing.

Pada Januari 2021, JPP telah mula menyediakan Pelan Antirasuah Organisasi JPP 2021-2023 sebagai langkah menuju ke arah warga kerja JPP yang bebas rasuah dan berintegriti tinggi. Pelan ini menggariskan inisiatif yang praktikal untuk dilaksanakan dan dibudayakan sebagai amalan yang baik di Jabatan ini. Pelan ini juga akan digunakan oleh JPP untuk membendung dan menangani isu integriti, governans dan rasuah di JPP dalam tempoh yang ditetapkan.

Setiap inisiatif yang telah ditetapkan dalam pelan ini perlu dilaksanakan dan pencapaian setiap inisiatif akan dipantau, dinilaikan dan dilaporkan kepada Pengurusan JPP melalui Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) JPP yang ditetapkan tiga (3) kali setahun.

SENARIO RASUAH DAN SALAH LAKU INTEGRITI

Pembangunan OACP JPP adalah bersumberkan data-data yang boleh dipercayai untuk mengenalpasti atau membuat penilaian risiko rasuah, menentukan bidang yang perlu diberikan tumpuan oleh Jabatan dan tindakan yang boleh diambil bagi mengurangkan/ menghapuskan risiko rasuah. Sumber data berkenaan adalah berbentuk laporan, kajian, statistik dan maklumat dari agensi yang berkaitan seperti berikut:

i. Indeks Persepsi Rasuah (CPI) *Transparency International* 2012 - 2021



Pada tahun 2021, kedudukan Malaysia adalah di tangga ke 62 dalam CPI dunia. Ini menunjukkan kedudukan Malaysia dalam CPI dunia bagi tahun 2021 telah jatuh berbanding di tangga ke 57 pada 2020. Manakala, sekiranya mengikut kedudukan skor, Malaysia mendapat skor 48 pada tahun 2021 yangmana ia merupakan skor yang rendah kerana berada di bawah paras 50 daripada jumlah keseluruhan skor yang ditetapkan iaitu 100.

ii. Statistik Bilangan Aduan yang diterima oleh JPP.

TAHUN	2016	2017	2018	2019	2020
Bil. Aduan Diterima	19	40	80	190	69
Bil. Aduan Dalam Tindakan	0	0	0	2	1
Bil Aduan Selesai	19	40	80	188	68

iii. Statistik berkaitan JPP

TAHUN	2016	2017	2018	2019	2020	JUMLAH
Maklumat	0	3	3	4	4	**14**
Kertas Siasatan	0	0	0	0	0	**0**
Tangkapan	0	0	0	0	0	**0**
Pertuduhan	0	0	0	0	0	**0**
Sabitan	0	0	0	0	0	**0**
JUMLAH	**0**	**3**	**3**	**4**	**4**	**14**

iv. Statistik Maklumat (Pecahan Kesalahan Seksyen Kesalahan)

TAHUN		2016	2017	2018	2019	2020	JUMLAH
SPRM 2019/ APR 1997	Terima Rasuah	0	0	0	1	1	**2**
	Beri Rasuah	0	0	0	0	0	**0**
	Tuntutan Palsu	0	0	0	0	0	**0**
	Salahguna Kuasa	0	3	1	1	0	**5**
	Sistem dan Prosedur	0	0	0	0	1	**1**
AMLA		0	0	1	0	0	**1**
Kanun Keseksaan		0	0	0	0	0	**0**
Lain-Lain		0	0	1	2	2	**5**
JUMLAH		**0**	**3**	**3**	**4**	**4**	**14**

v. Statistik Maklumat (Kumpulan Sub Penjawatan)

TAHUN		2016	2017	2018	2019	2020	JUMLAH
KUMPULAN SUB PENJAWATAN	Pengurusan Tertinggi	0	0	1	0	1	**2**
	Pengurusan dan Profesional	0	3	1	0	0	**4**
	Sokongan	0	0	0	0	0	**0**
	Lain-Lain	0	0	1	4	3	**8**
JUMLAH		**0**	**3**	**3**	**4**	**4**	**14**

vi. Bilangan pegawai yang mempunyai keterhutangan serius (merujuk pegawai yang mempunyai potongan gaji melebihi 60%) berdasarkan laporan ZRPY069 adalah seperti berikut:

Bilangan pegawai keberhutangan serius (tidak termasuk pinjaman perumahan, tabung haji dan ASB)

TAHUN	2016	2017	2018	2019	2020
Bil Pegawai	7/183	7/170	1/171	1/174	1/169
(Peratus)	3.8%	4.11%	0.6%	0.57%	0.59%

PENILAIAN RISIKO

Berdasarkan penarafan risiko yang telah dilaksanakan oleh SPRM pada tahun 2020, JPP telah diberikan penarafan risiko sebagai agensi berisiko sederhana iaitu keperluan untuk membentuk Unit Integriti di bawah Model B. Penarafan risiko ini akan disemak semula oleh SPRM secara berkala setiap tiga (3) tahun atau mengikut keperluan.



Sehubungan itu, JPP telah memohon untuk mewujudkan Unit Ingeriti di Jabatan ini bagi melaksanakan tugas-tugas berkaitan. Permohonan ini telah diangkat kepada Jabatan Perkhidmatan Awam dan oleh yang demikian itu, JPP telah menerima kelulusan pewujudan Unit Integriti Jabatan ini pada Januari 2022 dengan kelulusan empat (4) perjawatan iaitu seorang Jurutera Gred J44 sebagai Ketua Unit Integriti, seorang (1) Jurutera GredJ41/J44, seorang (1) Pembantu Jurutera Gred JA29 dan seorang Pembantu Tadbir Gred N19.

JPP juga telah mengadakan beberapa siri bengkel dan mesyuarat bagi membangunkan dokumen OACP yang merangkumi perkara-perkara seperti bidang berisiko rasuah di JPP, analisa risiko, punca, akibat, strategi dan inisiatif untuk memerangi dan mengatasi masalah rasuah. Pada 19 sehingga 21 Januari 2022, JPP telah mengadakan bengkel Pengukuhan OACP JPP untuk menyemak semula OACP JPP agar ianya sentiasa releven dengan keperluan semasa.

BIDANG-BIDANG BERISIKO

Berdasarkan penilaian risiko yang telah dijalankan di JPP, tiga (3) bidang keutamaan yang terdedah pada risiko governans, integriti dan rasuah di JPP telah dikenal pasti.

i. **Pengurusan Projek (Perolehan dan Pemantauan)**

JPP menerima peruntukan yang besar dalam RMK-8 sehingga RMK-11 iaitu RM15 bilion dan perlu menguruskan projek dengan cekap dan berkesan berdasarkan peruntukan yang telah dipertanggungjawabkan.

Sekiranya terdapat kelemahan JPP untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik khususnya dalam pengurusan projek, ianya boleh menyebabkan kerugian sejumlah besar wang negara. Bidang pengurusan projek merangkumi proses merancang, mereka bentuk, melaksanakan dan memantau projek. Semasa pelaksanaan projek, Jabatan selaku agensi pelaksana perlu mengimbangi masa, sumber dan kualiti agar dapat menyiapkan projek tersebut dengan memenuhi objektif dan keperluan pelanggan.

Sinar Harian

'Tolong pantau projek besar'

MUKHRIZ MAT HUSIN
-
May 19, 2021
0

SHAH ALAM – Transparency International Malaysia (TI-M) menggalakkan penglibatan pemantau bebas dalam projek-projek besar kerajaan sebagai langkah mencegah rasuah.

Presidennya, Dr Muhammad Mohan berkata, peranan pemantau bebas sebagai pihak ketiga amat penting bagi menjamin ketelusan dalam operasi sesebuah projek.

"Kita mencadangkan pihak ketiga iaitu pemantau bebas. Mereka ini ialah pakar-pakar dalam bidang tertentu.

"Contohnya, projek besar seperti lebuh raya, kita ada pakar kejuruteraan awam, mekanikal, struktur dan sebagainya. Mereka akan dibawa masuk sebagai pemantau bebas.

ii. Pengurusan Kewangan

Pengurusan kewangan merujuk pada proses perancangan, pengagihan dan penggunaan tenaga manusia, modal (wang tunai), barangan (aset) dan perolehan untuk memenuhi matlamat sesuatu organisasi. Pelaksanaan proses ini hendaklah mematuhi undang-undang, prosedur dan arahan yang telah dikuatkuasakan pada masa yang ditetapkan. Pengurusan kewangan yang cekap dan teratur amat penting dalam menguruskan pelbagai sumber yang terhad seperti tenaga manusia, wang, bahan-bahan mentah dan metodologi. Pihak pengurusan perlu menguruskan permintaan sumber yang banyak ini.

iii. Tadbir Urus

Tadbir urus ditakrifkan sebagai pelaksanaan kuasa ekonomi, politik dan pentadbiran untuk menguruskan hal ehwal Jabatan. Antara kepentingan mewujudkan tadbir urus adalah memastikan pengoperasian Jabatan diuruskan mengikut undang-undang, peraturan dan nilai etika yang baik untuk meyakinkan pemegang taruh demi kepentingan pelanggan. Sektor awam merangkumi pengurusan hal ehwal pentadbiran dan modal insan di bawah kawalan kerajaan. Penyampaian perkhidmatan awam dilihat sebagai faktor penting yang mencerminkan imej Jabatan. Jabatan perlu mengambil pendekatan yang lebih luas dan sistematik serta membangunkan dasar yang sesuai dalam menguruskan kecekapan perkhidmatan.

ANALISIS RISIKO RASUAH

Antara risiko rasuah yang disenaraikan di JPP adalah seperti berikut-

BIL.	RISIKO/ POTENSI RISIKO RASUAH	PUNCA	AKIBAT
PENGURUSAN PEROLEHAN JABATAN			
1.	Ketirisan maklumat RAHSIA seperti Anggaran Harga Jabatan dan Skop/ Spesifikasi dalam pengurusan perolehan (tender/ sebut harga) bagi memudahkan petender/ penyebut harga tertentu yang mendapat sesuatu perolehan.	1) Tiada unit khusus untuk melaksanakan perolehan (kerja, bekalan, perkhidmatan dan pelupusan aset). 2) SOP yang kurang jelas. 3) Kurang pendedahan berkaitan proses perolehan kepada pegawai. 4) Wujudnya tawaran lumayan daripada petender untuk mendapatkan maklumat. 5) *Conflict of interest.*	1) Menjejaskan imej Jabatan dan penjawat awam. 2) Pegawai awam yang terlibat boleh dikenakan tindakan SPRM dan tatetertib sehingga dibuang kerja. 3) Merugikan peruntukan Kerajaan kerana berkemungkinan berlakunya peningkatan kos. 4) Pemilihan kontraktor/ pembekal/ perunding yang tidak berkelayakan. 5) Prestasi pelaksanaan projek/ perkhidmatan/ perunding terjejas kerana

BIL.	RISIKO/ POTENSI RISIKO RASUAH	PUNCA	AKIBAT
		6) Kecuaian dari tidak menjaga kerahsiaan maklumat perolehan. 7) Sabotaj. 8) Pegawai kurang mahir dan kurang pengalaman. 9) Kelemahan kawalan dokumen terperingkat.	tidak melalui proses yang telus dan adil seterusnya menyebabkan projek sakit/ terbengkalai/ penerimaan bekalan dan perkhidmatan tidak berkualiti. 6) Menggugat kepercayaan/ keyakinan masyarakat dan pelanggan/ pemegang taruh.
2.	Kebocoran maklumat awal perancangan perolehan projek bernilai/ berimpak tinggi.	1) Pengaruh campur tangan politik. 2) Wujudnya tekanan daripada pihak berkepentingan. 3) Wujudnya tawaran lumayan daripada pihak berkepentingan untuk mendapatkan maklumat. 4) *Conflict of interest.* 5) Kecuaian dari tidak menjaga kerahsiaan maklumat perolehan. 6) Sabotaj.	1) Mendorong kontraktor/ pembekal /perunding berminat untuk mendapatkan kontrak secara tidak adil dan tidak telus.

BIL.	RISIKO/ POTENSI RISIKO RASUAH	PUNCA	AKIBAT
		7) Pegawai kurang mahir dan kurang pengalaman/ baharu. 8) Kelemahan kawalan dokumen terperingkat 9)	
3.	Keputusan tidak adil dalam menguruskan isu berkaitan perolehan seperti kelulusan pemberian tempoh pelanjutan masa (EOT) dengan justifikasi yang lemah	1) Pegawai tidak berintegriti. 2) Pakatan rasuah pegawai Kerajaan dan kontraktor/ pembekal/ perunding. 3) Wujudnya tawaran lumayan daripada kontraktor/ pembekal/ perunding. 4) *Conflict of interest.*	1) Merugikan peruntukan Kerajaan kerana berkemungkinan berlakunya peningkatan kos. 2) Prestasi pelaksanaan projek terjejas kerana tidak melalui proses yang telus dan adil seterusnya menyebabkan projek sakit/ terbengkalai/ penerimaan bekalan tidak berkualiti.
4.	Pelaksanaan perancangan perolehan tahunan yang tidak cekap / tidak realistik seperti melancarkan tender pada suku	1) Pegawai kurang pengalaman dan kurang berkemahiran 2) Agihan tugas tidak seimbang menyebabkan pegawai tidak	1) Merugikan peruntukan tahunan semasa 2) Berhadapan dengan kemungkinan peningkatan kos sekiranya perolehan tidak dibuat segera

BIL.	RISIKO/ POTENSI RISIKO RASUAH	PUNCA	AKIBAT
	tahun ketiga yang berisiko dengan penutupan akaun.	berkesempatan melaksanakan perolehan dalam tempoh ditetapkan. 3) Ketidakpatuhan terhadap jadual masa yang ditetapkan. 4) Campur tangan daripada pihak politik yang melibatkan Penjawat Awam. 5) Tiada kajian menyeluruh (*post-mortem)* mengenai isu-isu pelaksanaan projek/ bekalan/ perkhidmatan/ perunding di peringkat pra-tender/ perolehan/ peringkat pelaksanaan dan pasca pelaksanaan untuk tujuan penambahbaikan.	
5.	Salahguna kuasa dan penyelewengan dalam pengurusan perolehan seperti penulisan spesifikasi/ kriteria penilaian yang cenderung	1) Pegawai memilih pembekal/ kontraktor/ perunding tertentu atas sebab peribadi seperti talian persaudaraan/ diberi ganjaran.	1) Menjejaskan imej Jabatan dan penjawat awam. 2) Boleh dikenakan tindakan SPRM dan tatetertib sehingga dibuang kerja.

BIL.	RISIKO/ POTENSI RISIKO RASUAH	PUNCA	AKIBAT
		2) Menggunakan pembekal/ kontraktor/ perunding untuk urusan peribadi seperti membaiki rumah peribadi dengan harga yang tidak munasabah. 3) Sabotaj. 4) Pegawai tiada kawalan kendiri seperti suka hidup mewah dan suka berhutang. 5) Kurang penyeliaan rapi/ ketirisan di peringkat pihak bertanggungjawab (*follow-up and follow through).*	3) Merugikan peruntukan Kerajaan kerana berkemungkinan berlakunya peningkatan kos. 4) Pemilihan kontraktor yang tidak berkelayakan. 5) Prestasi pelaksanaan projek terjejas kerana tidak melalui proses yang telus dan adil seterusnya menyebabkan projek sakit/ terbengkalai /penerimaan bekalan tidak berkualiti. 6) Menggugat kepercayaan/ keyakinan masyarakat dan pelanggan/ pemegang taruh.

BIL.	RISIKO/ POTENSI RISIKO RASUAH	PUNCA	AKIBAT
PEMANTAUAN PASCA PEROLEHAN			
6.	Pemantauan semua jenis perolehan secara tidak berintegriti	1) Pegawai salah guna kuasa untuk kepentingan peribadi. 2) Wujudnya pakatan pegawai dan pembekal/ kontraktor/ perunding dalam memalsukan tuntutan bayaran kemajuan projek. 3) *Conflict of interest.* 4) Kurangnya penyeliaan pihak atasan seperti tiada pembentangan laporan kemajuan projek secara berkala dan lain-lain. 5) SOP yang tidak jelas/ tiada keseragaman. 6) Tiada pengauditan/verifikasi berkala.	1) Merugikan peruntukan Kerajaan kerana berkemungkinan berlakunya peningkatan kos. 2) Prestasi pelaksanaan projek terjejas kerana tidak melalui proses yang telus dan adil seterusnya menyebabkan projek sakit/ terbengkalai/ penerimaan bekalan tidak berkualiti.
7.	Tiada kaedah pemantauan projek secara sistematik	1) Tiada laporan kemajuan kerja secara berkala.	1) Berlakunya lebihan bayaran disebabkan pemalsuan perakuan data untuk bayaran.

BIL.	RISIKO/ POTENSI RISIKO RASUAH	PUNCA	AKIBAT
		2) Laporan kemajuan kerja tidak diselia oleh pegawai atasan. 3) Kurang lawatan tapak/ tiada lawatan tapak secara mengejut. 4) Pemalsuan kemajuan kerja bagi mempercepatkan bayaran. 5) Tiada kajian menyeluruh hasil dapatan daripada isu-isu pelaksanaan projek/ bekalan/ perkhidmatan/ perunding di peringkat pra-tender/ perolehan/ peringkat pelaksanaan dan pasca pelaksanaan.	2) Menyebabkan pegawai yang tidak berkaitan secara langsung dengan projek boleh dikenakan tindakan tatatertib. 3) Kelemahan pengurusan jabatan dalam mengawal ketirisan wang awam. 4) Tiada tindakan preventif serta analisa risiko oleh jabatan.

BIL.	RISIKO/ POTENSI RISIKO RASUAH	PUNCA	AKIBAT
PENGURUSAN KEWANGAN			
8.	Borang tuntutan/ resit palsu	1) Pegawai tidak berintegriti. 2) Tiada kawalan kendiri. 3) Tiada semakan dan pemantauan yang lemah diperingkat pegawai penyelia.	1) Mencemarkan imej perkhidmatan awam. 2) Pegawai boleh dikenakan tindakan tatatertib.
9.	Pembayaran Tidak Teratur	1) Pembayaran dipercepatkan dengan pemberian duit pelincir/ rasuah. 2) Kelewatan penyerahan dokumen bagi tujuan pembayaran. 3) Tarikh perakuan serta penyediaan dokumen yang terlalu lewat dari garis panduan yang telah ditetapkan. 4) Tindakan pembetulan terhadap kuiri yang lambat diambil Tindakan.	1) Mencemarkan imej perkhidmatan awam. 2) Pegawai boleh dikenakan tindakan tatatertib. 3) AP59
10.	Pembayaran diproses tanpa dokumen lengkap	1) Kecuaian. 2) Kepentingan peribadi.	1) Mencemarkan imej perkhidmatan awam. 2) Pegawai boleh dikenakan tindakan tatatertib.

BIL.	RISIKO/ POTENSI RISIKO RASUAH	PUNCA	AKIBAT
		3) Tekanan mempercepatkan pembayaran daripada pihak berkepentingan sama ada dari dalam atau luar jabatan.	3) AP59
11.	Pembayaran tidak mengikut spesifikasi kontrak	1) Hubungan baik dengan kontraktor kerana menerima ganjaran. 2) Kecuaian/ tidak teliti. 3) Kebergantungan kepada pihak ketiga dalam memperakui dan mengesahkan prestasi kerja. 4) Kurang mahir dalam mengendalikan pengurusan kontrak.	1) Mencemarkan imej perkhidmatan awam. 2) Pegawai boleh dikenakan tindakan tatatertib. 3) Menerima perkhidmatan/ bekalan/ kerja yang tidak berkualiti.

BIL.	RISIKO/ POTENSI RISIKO RASUAH	PUNCA	AKIBAT
TADBIR URUS			
12.	Salah guna aset Kerajaan untuk kepentingan peribadi.	1) Pegawai tidak berintegriti. 2) Tiada kawalan kendiri.	1) Mencemarkan imej perkhidmatan awam. 2) Pegawai boleh dikenakan tindakan tatatertib.
13.	Memalsukan cuti sakit	1) Pusat perubatan yang tidak bertanggungjawab yang menjual cuti sakit palsu. 2) Pegawai tidak berintegriti.	1) Mencemarkan imej perkhidmatan awam. 2) Pegawai boleh dikenakan tindakan tatatertib.
14.	Penempatan dan kesesuaian/ kompetensi pegawai di jawatan-jawatan “hotspot”.	1) Pegawai tidak berintegriti . 2) Pegawai dalam zon selesa dan mempunyai ramai kontak dengan kontraktor/ pembekal/ perunding seterusnya cenderung melakukan rasuah.	1) Menjejaskan imej penjawat awam dan Jabatan. 2) Menjadi sasaran dan stigma kepada salahlaku.
15.	Kegagalan Pegawai Pemeriksa Aset untuk menjalankan pemeriksaan aset secara menyeluruh	1) Aset Kerajaan hilang. 2) Aset Kerajaan tidak dijaga/ diselenggara dengan baik. 3) Pengurusan aset yang tidak efisien	1) Mencemarkan imej perkhidmatan awam. 2) Pegawai boleh dikenakan tindakan tatatertib.

BIL.	RISIKO/ POTENSI RISIKO RASUAH	PUNCA	AKIBAT
			3) Perbelanjaan peruntukan yang tidak terkawal. 4) Penggunaan aset yang tidak optimum.
16.	Memalsukan maklumat kedatangan	1) Menyuruh pihak lain mengetik kedatangan harian. 2) Meminda maklumat kedatangan dalam sistem.	1) Mencemarkan imej perkhidmatan awam. 2) Pegawai boleh dikenakan tindakan tatatertib.

MATRIK PENETAPAN TAHAP/ POTENSI RISIKO

	Insignificant	*Minor*	*Moderate*	*Major*	*Catasthropic*
Almost Certain	*Significant*	*Significant*	*High*	*High*	*High*
Likely	*Moderate*	*Significant*	*Significant*	*High*	*High*
Moderate	*Low*	*Moderate*	*Significant*	*High*	*High*
Unlikely	*Low*	*Low*	*Moderate*	*Significant*	*High*
Rare	*Low*	*Low*	*Moderate*	*Significant*	*Significant*

POTENSI DAN TAHAP RISIKO

BIL	RISIKO / POTENSI RISIKO	TAHAP RISIKO
1.	Ketirisan maklumat RAHSIA seperti Anggaran Harga Jabatan dan Skop/ Spesifikasi dalam pengurusan perolehan (tender/ sebut harga) bagi memudahkan petender/ penyebut harga tertentu yang mendapat sesuatu perolehan.	Moderate
2.	Kebocoran maklumat awal perancangan perolehan projek bernilai/ berimpak tinggi.	Moderate
3.	Keputusan tidak adil dalam menguruskan isu berkaitan perolehan seperti kelulusan pemberian tempoh pelanjutan masa (EOT) dengan justifikasi yang lemah.	Moderate
4.	Perancangan perolehan yang tidak cekap/ tidak realistik seperti melancarkan tender pada suku tahun ketiga yang berisiko dengan penutupan akaun.	Significant
5.	Salah guna kuasa dan penyelewengan dalam pengurusan perolehan.	Low
6.	Pemantauan projek secara tidak berintegriti.	Low
7.	Tiada kaedah pemantauan projek secara sistematik.	Low
8.	Borang tuntutan/ resit palsu.	Low
9.	Pembayaran lambat.	Low
10.	Pembayaran diproses tanpa dokumen lengkap.	Low
11.	Pembayaran tidak mengikut spesifikasi kontrak.	Low
12.	Salah guna aset Kerajaan untuk kepentingan peribadi.	Significant
13.	Memalsukan cuti sakit.	Low
14.	Penempatan pegawai di jawatan-jawatan “hotspot”.	Significant
15.	Kegagalan Pegawai Pemeriksa Aset Alih untuk menjalankan pemeriksaan aset secara menyeluruh.	Low
16.	Memalsukan maklumat kedatangan.	Low

PEMETAAN RISIKO RASUAH JABATAN

	Insignificant	*Minor*	*Moderate*	*Major*	*Catasthropic*
Almost Certain	***Significant***	***Significant***	***High***	***High***	***High***
Likely	***Moderate***	***Significant***	***Significant***	***High***	***High***
Moderate	***Low***	***Moderate***	***Significant*** ***4,12,14***	***High***	***High***
Unlikely	***Low*** ***9***	***Low*** ***5,7***	***Moderate*** ***1,2***	***Significant***	***High***
Rare	***Low*** ***8,10,11***	***Low*** ***6,13,15***	***Moderate*** ***3,16***	***Significant***	***Significant***

BAB 3

KERANGKA OACP JPP

VISI, MISI DAN MATLAMAT KERANGKA OACP

PUNCA RISIKO SALAH LAKU RASUAH

STRATEGI, INISIATIF DAN PELAN PENCEGAHAN RASUAH

ANALISIS KUADRAN

INISIATIF BERDASARKAN IMPAK DAN KOMPLEKSITI DALAM KUADRAN BERKAITAN

KERANGKA OACP

- Penetapan hala tuju OACP perlu supaya OACP Jabatan selari dengan hala tuju NACP dan OACP di Kementerian

- Memastikan OACP Jabatan menggambarkan realiti sebenar senario rasuah/ kebarangkalian rasuah di Jabatan

- 4 Strategi
- 13 Inisiatif
- 21 Pelan Tindakan

VISI, MISI DAN MATLAMAT KERANGKA OACP

VISI

- Memastikan penyampaian infrastruktur yang cekap dan berkesan kepada masyarakat melalui perancangan yang komprehensif, penyediaan peruntukan pembangunan yang mencukupi dan penyiapan projek yang berkualiti.

MISI

- Mewujudkan warga kerja JPP yang bermaruah dan berintegriti tinggi.

MATLAMAT

- Menerapkan budaya kerja cemerlang, berpasukan dan bermaruah.
- Membentuk warga kerja JPP yang berperibadi mulia, menghayati nilai-nilai murni dan berintegriti tinggi.

BIDANG KEUTAMAAN

- Pengurusan perolehan projek, pentadbiran kontrak yang berkesan dan pengurusan aset yang telus dan adil.
- Pengurusan kewangan yang cekap dan berkesan.
- Pemantapan tadbir urus jabatan melalui personel dan sumber manusia yang mencukupi.

ASPIRASI JABATAN

- JPP sebagai satu-satunya penyedia infrastruktur pembetungan kerajaan yang terunggul kerana penyampaian perkhidmatan yang terbaik dan telus serta bebas dari sebarang unsur rasuah

PUNCA RISIKO SALAH LAKU RASUAH

MASALAH SIKAP DAN ETIKA

Sikap pegawai yang sememang tidak berintegriti kerana tidak berpandukan kepada nilai-nilai murni, kefahaman pegangan agama dan nilai nilai moral yang mengekang sifat negatif dalam diri.

KECUAIAN MENYEBABKAN PELANGGARAN SOP

Kecuaian dan ketidak bertanggung jawaban dalam menjalankan tugas boleh menyebabkan berlakunya pelanggaran peraturan memastikan penyampaian perkhidmatan pembetungan yang cekap dan berkesan kepada masyarakat.

KURANG PENGETAHUAN BERKAITAN KERJA

- Pegawai yang kurang pengetahuan berkaitan kerja cenderung untuk melakukan kesalahan dan berisiko untuk terlibat dengan salah laku rasuah tanpa disedari contohnya menerima hadiah/ pemberian dari pihak berkepentingan/ berkaitan kerja.

PELUANG DAN RUANG

- Pegawai terlibat dengan rasuah bukan kerana niat asal tetapi kerana mengambil peluang yang ada di atas kuasa yang dimiliki sebagai jalan pintas untuk hidup mewah.

KELEMAHAN SISTEM DAN PROSEDUR KERJA

- Sistem dan prosedur kerja lapuk, tidak disemak dan ditambah baik meningkatkan risiko salah laku rasuah. Pengggunaan sistem ICT yang optimum dalam suatu proses kerja seperti penggunaan ePerolehan dapat mengurangkan risiko rasuah dalam jabatan Kerajaan.
- Kawalan kepada penggunaan alat komunikasi semasa proses perolehan kerja.



Berdasarkan kajian punca dan risiko rasuah di JPP, sebanyak 29% warga JPP yang menyertai kajian ini bersetuju bahawa peluang dan ruang merupakan faktor utama berlakunya kebarangkalian risiko rasuah di JPP berdasarkan nature of work di JPP yang terlibat dengan pengurusan projek yang berimpak tinggi dan melibatkan pelbagai peringkat peruntukan yang dluluskan. Antara bentuk potensi rasuah yang boleh berlaku ialah tawaran ganjaran kepada pegawai bagi pemilihan perolehan projek mengikut kecenderungan kepada sesuatu pembekal/kontraktor. Tahap profesional yang tinggi akan membentuk sikap dan etika keperibadian seseorang pegawai merupakan perisai bagi menghalang dan mendorong berlakunya rasuah dalam sesuatu Jabatan.

Warga JPP meletakkan ianya merupakan punca kedua terbesar kebarangkalian risiko rasuah di Jabatan ini. Manakala, kecuaian dan kurang pengetahuan mengenai selok belok kerja terutama melibatkan pegawai baharu, menjadi punca ketiga dan keempat berlakunya rasuah/ kebarangkalian risiko rasuah di tempat kerja. Kelemahan sistem dan prosedur kerja merupakan faktor terakhir yang memfokus kepada sistem kerja yang lapuk dan tidak disemak sehingga perlaksanaannya sudah tidak relevan dengan situasi semasa. Pembangunan teknologi seharusnya seiring

dengan pengaplikasiannya di pejabat yang boleh mendorong kerja-kerja untuk dilaksanakan dengan lebih mudah, cekap dan telus walau bagaimana pun, pengawalan kepada penggunaan teknologi ini adalah penting dan tidak disalahgunakan.

TANDA-TANDA MEREKA YANG TERLIBAT DENGAN RASUAH

Hubungan terlalu rapat dengan pelanggan/ kontraktor

Perubahan gaya hidup mewah secara tiba-tiba

Peletakan jawatan secara tiba-tiba

Kegagalan menjelaskan punca perolehan harta

SIMPTOM RASUAH

Enggan dinaikkan pangkat atau ditukarkan

Suka hidup berlagak seperti orang kaya

Hidup tertekan kerana hutang

Panggilan telefon yang mencurigakan

SUMBER: NOTA PENCEGAHAN RASUAH EDISI KELIMA (2020)

Bahagian Pendidikan Masyarakat SPRM

www.sprm.gov.my

SPRM Community

STRATEGI, INISIATIF DAN PELAN PENCEGAHAN RASUAH

BIL	STRATEGI	INISIATIF	PELAN TINDAKAN	TINDAKAN
1.	**Melaksanakan perolehan Kerajaan (kerja, bekalan dan perkhidmatan) secara telus dan adil**	i. Melaksanakan perolehan Kerajaan sepenuhnya mengikut peraturan berkuatkuasa. ii. Melaksanakan perolehan secara terancang dan strategik bagi mengelakkan pembaziran wang Kerajaan. iii. Memastikan kepentingan Kerajaan sentiasa terpelihara dalam setiap perolehan Kerajaan.	i. Menggunakan sepenuhnya sistem ePerolehan dalam perolehan Kerajaan. ii. Menyelaras perancangan perolehan tahunan. iii. Menyediakan kontrak/ perjanjian yang memelihara kepentingan Kerajaan. iv. Melantik Pengerusi/Ahli Jawatankuasa Perolehan (Cth Spesifikasi/Teknikal/ Kewangan) dari kalangan pegawai yang	i. KP JPP ii. Unit Integriti iii. Unit Kewangan iv. Semua Sektor/Bahagian/ Unit terlibat.

		v. Memastikan tiada ketirisan/ kebocoran maklumat perolehan Kerajaan.	bersesuaian dan secara penggiliran. v. Menandatangani *Integrity Pact.* vi. Memastikan perlantikan perunding/ pembekal dibuat secara penggiliran. vii. Mewujudkan Seksyen Perolehan dalam Cadangan Pengukuhan Perjawatan JPP 2022.	
2.	**Melaksanakan pemantauan perlaksanaan kerja/ bekalan/ perkhidmatan dan lebih sistematik**	i. Memastikan setiap kerja/bekalan/perkhidmatan disempurnakan mengikut jadual ditetapkan. ii. Memastikan perolehan perkhidmatan/bekalan/kerja	i. Mewujudkan kaedah pelaporan kemajuan kerja/ perkhidmatan/ bekalan dan lain-lain secara berkala dan sistematik serta sentiasa dikemaskini. ii. Melaksanakan pemantauan pematuhan terma kontrak.	i. Sektor SP&P ii. Sektor SKKT iii. Sektor SPP iv. Unit Pentadbiran v. Unit Kewangan

		dilaksanakan mengikut kualiti, masa dan kos yang ditetapkan.		
3.	**Pengurusan kewangan yang lebih cekap dan berkesan**	Mewujudkan mekanisme semak dan imbang secara konsisten bagi mengesan dan mengenalpasti kemungkinan boleh berlaku semasa pemalsuan dokumen berhubung apa-apa urusan dan tuntutan pembayaran.	i. Melaksanakan audit kendiri dokumen kewangan dan pentadbiran secara berkala. ii. Melaksanakan pemeriksaan Ketua Jabatan (AP309) dan Ketua Bahagian (AP308). iii. Melaksanakan Mesyuarat Jawatankuasa Perakaunan dan Kewangan (JKPA).	i. Ketua Pengarah JPP ii. P/BKP iii. P/BPP iv. Unit Kewangan
4.	**Pengurusan tadbir urus dan sumber manusia dan cekap dan berkesan**	i. Memastikan penempatan pegawai dalam skop kerja yang bersesuaian dan tidak terlalu lama di posisi yang boleh mendatangkan peluang berlakunya rasuah/ penyelewengan/ salah tadbir urus.	i. Mengenalpasti dan mengkaji kesesuaian tempoh penempatan dan kompentensi seseorang pegawai di jabatan dari masa ke semasa. ii. Menguatkuasakan dasar pusingan kerja/ *job rotation* dan	i. Ketua Pengarah JPP ii. Semua TKP JPP iii. P BKP iv. PP BKP v. Unit SM

		ii. Melaksanakan pengkayaan ilmu bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pegawai. iii. Memastikan pegawai tidak berada dalam keberhutangan yang serius.	*job matching* untuk mengelakkan *conflict of interest.* iii. Ketua Jabatan/ Unit Integriti /Unit Sumber Manusia membuat semakan secara berkala, memaklumkan, memberi peringatan kepada pegawai yang mengalami keberhutangan yang serius (hutang melebihi 60% daripada gaji). iv. Tidak meluluskan sebarang bentuk pinjaman peribadi pegawai yang sedang mengalami keberhutangan yang serius.	

ANALISIS KUADRAN

Analisis kuadran di bawah menggambarkan keutamaan bagi 4 strategi yang dikenalpasti yang mengandungi 10 inisiatif. Kesemua inisiatif akan diplotkan mengikut 4 kuadran yang berbeza dari sudut tahap impak dan kompleksiti yang dihadapi dalam menyempurnakan inisiatif tersebut seperti di rajah berikut: -



KEUTAMAAN STRATEGI

INISIATIF

STRATEGI 1 — **Melaksanakan perolehan Kerajaan (kerja, bekalan dan perkhidmatan) secara telus dan adil**

1. Melaksanakan perolehan Kerajaan sepenuhnya mengikut peraturan berkuatkuasa.
2. Melaksanakan perolehan secara terancang dan strategik bagi mengelakkan pembaziran wang Kerajaan.
3. Memastikan kepentingan Kerajaan sentiasa terpelihara dalam setiap perolehan Kerajaan.
4. Memastikan tiada ketirisan/ kebocoran maklumat perolehan Kerajaan.

STRATEGI 2 — **Melaksanakan pemantauan perlaksanaan kerja/ bekalan/ perkhidmatan dan lebih sistematik**

5. Memastikan setiap kerja/bekalan/perkhidmatan disempurnakan mengikut jadual ditetapkan.
6. Memastikan perolehan perkhidmatan/bekalan/kerja dilaksanakan mengikut kualiti, masa dan kos yang ditetapkan.

STRATEGI 3 — **•Pengurusan kewangan yang lebih cekap dan berkesan**

7. Mewujudkan mekanisme semak dan imbang secara konsisten bagi mengesan dan mengenalpasti kemungkinan boleh berlaku semasa pemalsuan dokumen berhubung apa-apa urusan dan tuntutan pembayaran.

STRATEGI 4 — **•Pengurusan tadbir urus dan sumber manusia dan cekap dan berkesan**

8. Memastikan penempatan pegawai dalam skop kerja yang bersesuaian dan tidak terlalu lama di posisi yang boleh mendatangkan peluang berlakunya rasuah/ penyelewengan/ salah tadbir urus.
9. Melaksanakan pengkayaan ilmu bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pegawai.
10. Memastikan pegawai tidak berada dalam keberhutangan yang serius.

PENGKELASAN INISIATIF BERDASARKAN IMPAK DAN KOMPLEKSITI DALAM KUADRAN BERKAITAN



BAB 4

MEKANISMA PELAKSANAAN OACP

PELAN TINDAKAN INISIATIF MENGIKUT TAHUN (2021-2023) DAN KAEDAH PELAPORAN

PELANTIKAN JAWATANKUASA OACP

PEMANTAUAN OACP

PELAN TINDAKAN INISIATIF MENGIKUT TAHUN (2021-2023) DAN KAEDAH PELAPORAN

BIL	PELAN TINDAKAN	ALAT PENGUKURAN	% SASARAN PENCAPAIAN			TINDAKAN
			2021	2022	2023	
1.	Menggunakan sepenuhnya sistem ePerolehan dalam perolehan Kerajaan.	Semakan jumlah semua perolehan JPP dan bilangan yang dilaksanakan melalui sistem ePerolehan.	100	100	100	Unit Kewangan
		PENCAPAIAN SEBENAR				
2.	Menyelaras perancangan perolehan tahunan.	Pematuhan kepada Perancangan Perolehan Tahunan (PPT).	100	100	100	BPKI BKP
		PENCAPAIAN SEBENAR				
3.	Menyediakan kontrak/ perjanjian yang memelihara kepentingan Kerajaan.	Kontrak/ perjanjian disediakan bagi setiap perolehan dan berkuatkuasa sepanjang tempoh pelaksanaan.	100	100	100	KP JPP UI
		PENCAPAIAN SEBENAR				

4.	Melantik Pengerusi/ Ahli Jawatankuasa Perolehan (Cth Spesifikasi/Teknikal/ Kewangan) dari kalangan pegawai yang bersesuaian dan secara penggiliran.	Menyediakan satu pengkalan data jadual senarai pegawai yang terlibat dengan perolehan.	100	100	100	BPKI BKP Unit Kewangan
		PENCAPAIAN SEBENAR				
5.	Menandatangani *Integrity Pact*	Bilangan pegawai yang terlibat dengan perolehan dan telah menadatangani surat *Integriti Pact*.	100	100	100	Semua pegawai JPP yang terlibat dengan perolehan
		PENCAPAIAN SEBENAR				
6.	Memastikan pelantikan perunding/ pembekal dibuat secara penggiliran.	Menyediakan satu pengkalan data	100	100	100	BPT BPS BRi BPTh BKP Unit Kewangan
		PENCAPAIAN SEBENAR				
7.	Mewujudkan Seksyen Perolehan dalam Cadangan Pengukuhan Perjawatan JPP 2022.	Pewujudan Seksyen Perolehan.	100	100	100	Unit Sumber Manusia
		PENCAPAIAN SEBENAR				

8.	Mewujudkan kaedah pelaporan kemajuan kerja/ perkhidmatan/ bekalan dan lain-lain secara berkala dan sistematik serta sentiasa dikemaskini.	Penyediaan dokumen pelaporan kemajuan projek yang disemak secara berkala.	100	100	100	Semua Sektor & BKP
		PENCAPAIAN SEBENAR				
9.	Melaksanakan pemantauan pematuhan terma kontrak	Melaporkan pelanggaran kontrak/perjanjian kepada Kementerian Kewangan/CIDB/Badan Professional	100	100	100	KP JPP UI
		PENCAPAIAN SEBENAR				
10.	Melaksanakan audit kendiri dokumen kewangan dan pentadbiran secara berkala.	Membuat audit silang antara bahagian di Jabatan	10	50	100	Semua Bahagian
		PENCAPAIAN SEBENAR				
11.	Melaksanakan pemeriksaan Ketua Jabatan (AP 309) dan Ketua Bahagian (AP308).	Pematuhan kepada AP 308 dan 309	100	100	100	KP BKP Unit Kewangan
		PENCAPAIAN SEBENAR				
12.	Melaksanakan Mesyuarat Jawatankuasa Perakaunan dan Kewangan (JKPA).	Pelaksanaan Mesyuarat J 4 kali setahun.	100	100	100	Unit Kewangan
		PENCAPAIAN SEBENAR				

13.	Mengenalpasti dan mengkaji kesesuaian tempoh penempatan dan kompetensi seseorang pegawai di Jabatan dari masa ke semasa.	Mewujudkan dasar pengurusan sumber manusia di Jabatan	100	100	100	Unit Sumber Manusia
		PENCAPAIAN SEBENAR				
14.	Menguatkuasakan dasar pusingan kerja/ *job rotation* dan *job matching* untuk mengelakkan *conflict of interest.*	Mewujudkan dasar pengurusan sumber manusia di Jabatan	100	100	100	Unit Sumber Manusia
		PENCAPAIAN SEBENAR				
15.	Ketua Jabatan/ Unit Integriti/ Unit Sumber Manusia membuat semakan secara berkala, memaklumkan, memberi peringatan kepada pegawai yang mengalami keberhutangan yang serius (hutang melebihi 60% daripada gaji).	Jumlah peringatan Ketua Jabatan kepada warga JPP yang menghadapi keberhutangan yang serius.	50	100	100	Ketua Jabatan Unit Integriti Unit Sumber Manusia
		PENCAPAIAN SEBENAR				
16.	Tidak meluluskan sebarang bentuk pinjaman peribadi pegawai yang sedang mengalami keberhutangan yang serius	Jumlah kelulusan pinjaman peribadi kepada pegawai yang melebihi 60% emolument bulanan	100	100	100	Unit Integriti Unit Sumber Manusia
		PENCAPAIAN SEBENAR				

PELANTIKAN JAWATANKUASA OACP



PEMANTAUAN OACP



BAB 5

KESIMPULAN DAN PENGHARGAAN

KESIMPULAN

JPP telah memperlihatkan komitmen dalam menyokong dasar antirasuah kerajaan dengan membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) JPP dengan menyasarkan perancangan tiga (3) tahun iaitu bagi tahun 2021 hingga 2023. Demi matlamat menjadikan Malaysia sebuah negara bebas rasuah, pelan ini menggariskan tindakan yang perlu diambil untuk menyahut dasar kerajaan. Pelan ini mengambil kira pandangan warga JPP secara holistik dan telah mengenal pasti empat (4) strategi merangkumi sepuluh (10) inisiatif untuk dilaksanakan sebagai panduan pengurusan antirasuah di JPP. Pelaksanaan semua inisiatif yang telah digubal ini akan dipantau dan dikaji semula secara berkala untuk kelestarian keberkesanan OACP. Untuk memastikan inisiatif yang dirangka akan sentiasa relevan dan terus menjadi panduan dan rujukan semua pihak dalam menangani salah laku dan jenayah rasuah, JPP akan sentiasa peka dengan perubahan semasa dan mengambil kira maklum balas, nasihat dan panduan daripada pelbagai pihak dari masa ke masa. Hala tuju baharu Kementerian dalam aspek penambahbaikan governans, integriti dan antirasuah serta kelangsungan pelan ini pada masa hadapan bakal ditentukan oleh kejayaan pelaksanaan sepuluh (10) inisiatif dalam tempoh tiga (3) tahun akan datang selaras dengan misi OACP JPP iaitu “Mewujudkan warga kerja JPP yang bermaruah dan berintegriti tinggi”.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada:

Ketua Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Pembetungan
YBrs. Tuan Ir. Ahmad Rozian bin Othman

Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Pengurusan Projek)
YBrs. Hj. Wan Abdul Rahim bin Abdullah

Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Konsultansi dan Khidmat Teknikal)
YBrs. Hj. Alias bin Idris

Ketua Bahagian/ Unit dalam meluangkan masa, memberikan input, maklum balas dan kerjasama serta sokongan yang tidak berbelah bahagi:

Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)
Bahagian Perancangan Strategik (BPS)
Bahagian Pengurusan Pembangunan (BPP)
Bahagian Pengurusan Kontrak dan Ukur Bahan (BPKUB)
Bahagian Pengurusan Tanah (BPTh)
Bahagian Perundingan Teknikal (BPT)
Bahagian Mekanikal dan Elektrikal (BM&E)
Bahagian Pengurusan Kompetensi dan Inovasi (BPKI)
Bahagian Rekabentuk In-House (BRi)
Unit Pengurusan Projek 1 (UPP1)
Unit Pengurusan Projek 2 (UPP2)
Unit Pengurusan Projek 3 (UPP3)
Unit Pengurusan Projek 4 (UPP4)
Unit Pengurusan Projek 5 (UPP5)

BENGKEL PEMANTAPAN OACP JPP
19 – 21 JANUARI 2021



“Hanya nilai integriti, kejujuran dan amanah yang kukuh dalam diri seseorang dapat menangkis godaan rasuah serta salah guna kuasa. Walaupun memiliki wang yang banyak, hujung tahun dapat bonus dan ada lagi ganjaran lain, tetapi hidup tidak seronok kerana apa yang kita miliki itu tidak berkat”

YBHG. TAN SRI MOHD ZUKI BIN ALI
Ketua Setiausaha Negara

PELAN
ANTIRASUAH
ORGANISASI

JABATAN PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN

2021-2023

"Sebab itu saya selalu menggunakan perkataan bahawa rasuah ini adalah jenayah ekonomi. Apabila bercakap tentang jenayah ekonomi, mereka yang terlibat dalam rasuah ini mempunyai pelbagai cara, dengan memikirkan bagaimana untuk mengatasi undang-undang atau sistem yang ada. Untuk menanganinya, kita perlu mengesan lebih dalam lagi (kegiatan rasuah) kerana (dahulu) mungkin kita nampak seseorang itu rasuah melalui gaya hidupnya, (tapi) sekarang, kehidupannya kita nampak telah berlaku rasuah, namun undang-undang mahu kami buktikan dari mana punca rasuah itu berlaku"

DATUK SERI AZAM BAKI
Ketua Pesuruhjaya SPRM

Ucapan Sempena Ulangtahun SPRM ke 53